

D670

U B169 AAB
MAHATHIR-DAGANG

SUBANG, 28 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN CHINA AKAN BERTAMBAH KUKUH YANG KELAK DAPAT MENGIMBANGI KEKURANGAN DAGANGAN YANG DIALAMI OLEH NEGARA SEKARANG.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA ANGGOTA ROMBONGANNYA, SEBAHAGIAN BESAR TERDIRI DARIPADA MASYARAKAT PENIAGA, MENUNJUKKAN BETAPA PENTINGNYA PERHATIAN YANG DIBERIKAN OLEH MALAYSIA DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERNIAGAAN DENGAN CHINA.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI SINI SEKEMBALINYA DARI LAWATAN SEMBILAN HARI KE CHINA, PERDANA MENTERI BERKATA PERJANJIAN-PERJANJIAN PERNIAGAAN BERNILAI \$57 JUTA TELAH DAPAT DITANDATANGANI DALAM LAWATAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PERJANJIAN-PERJANJIAN ITU MELIPUTI PERDAGANGAN YANG AKAN DIJALANKAN SECARA TUKAR BARANG DAN PERNIAGAAN BIASA.

SELAIN ITU, KATANYA, BEBERAPA PERJANJIAN LAIN TELAH DIBUAT SEPERTI PENJUALAN 220,000 TAN BESI PANAS+BRIQUETTED+ DARI LABUAN KE NEGARA ITU. -- LAGI.

2134MST 28 11 85

D681

U B176 AAB
MAHATHIR-DAGANG 2 SUBANG

MENGENAI DAGANG TUKAR BARANG, PERDANA MENTERI BERKATA CHINA TELAH MENCADANGKAN AGAR LEBIH BANYAK PERNIAGAAN SEDEMIKIAN DIAJUKAN DENGAN MALAYSIA MEMANDANGKAN NEGARA ITU SEDANG MENGHADAPI MASALAH KEKURANGAN PERTUKARAN LUAR.

DITANYA BILAKAH IA AKAN DILAKSANAKAN, BELIAU MENEGASKAN INI TERPULANG KEPADA SEKTOR PERNIAGAAN UNTUK MELAKSANAKAN.

TENTANG PERKAPALAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DICADANGKAN SUPAYA KEDUA-DUA NEGARA DAPAT BERKONGSI MENGGUNAKAN RUANG-RUANG KAPAL DALAM PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA SUPAYA KAPAL-KAPAL YANG BERULANG-ALIK ITU TIDAK MENGALAMI KEKOSONGAN.

PERKARA INI MASIH DALAM PERUNDINGAN ANTARA PARA PEGAWAI KEDUA-DUA NEGARA, JELASNYA.

KATANYA, SATU PERKARA LAGI YANG DIBANGKITKAN IALAH PENGELUARAN TIMAH BERLEBIHAN OLEH CHINA, YANG DIAKUI SENDIRI OLEH NEGARA ITU, DAN KEMUNGKINAN CHINA MENYERTAI MAJLIS TIMAH ANTARABANGSA. -- LAGI.
2154MST 28 11 85

D695

U B182 AAB
MAHATHIR-DAGANG 3 SUBANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT BAHAWA LAWATANNYA KE CHINA, PERDANA MENTERI NEGARA INI YANG KETIGA SELEPAS ALLAHYARHAM TUN RAZAK DAN TUN HUSSEIN ONN BERBUAT DEMIKIAN, TELAH MEMPEROLEHI KEJAYAAN SEPENUHNYA.

+LAWATAN INI TELAH MENGUKUH DAN MEMPERKUATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN CHINA YANG AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN BERSAMA,+ TEGASNYA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA PAGI TADI PERDANA MENTERI CHINA, ZHOU ZIYANG TELAH BERBUAL-BUAL DENGANNYA MENERUSI TELEFON DARI BEIJING YANG, PADA PENDAPATNYA, SATU TINDAKAN BAHAWA ZHOU MEMANDANG TINGGI LAWATAN BELIAU KE CHINA.

(DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA ITU BERADA DI KWANGTUNG DALAM PERINGKAT TERAKHIR LAWATANNYA KE CHINA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE TANAHAIR).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENGUNDANG ENCIK ZHOU DAN BEBERAPA ORANG LAGI PEMIMPIN TERTINGGI NEGARA ITU UNTUK MELAWAT MALAYSIA.

ANTARA ANGGOTA ROMBONGAN PERDANA MENTERI IALAH MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MENTERI KERJA RAYA, DATUK S. SAMY VELLU, BEBERAPA ORANG TIMBALAN MENTERI DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK TERMASUK TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG DAP, ENCIK LEE LAM THYE. -- BERNAMA.

2218MST 28 11 85